

04/05/1998

Kerjasama elak jerebu ancam temasya

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia akan bekerjasama dengan negara jiran untuk mengelakkan keadaan jerebu daripada menjejaskan kemeriahan Sukan Komanwel Ke-16, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pihak bertanggungjawab di negara ini dengan kerjasama negara jiran, khususnya Indonesia, bekerja keras mengelak ancaman jerebu terutama ketika temasya sukan kedua terbesar di dunia itu berlangsung.

Beliau berkata, antara langkah yang diambil ialah melakukan pembenihan awan bagi menghasilkan hujan tiruan bagi membersihkan ruang udara terutama di kawasan gelanggang sukan.

"Kita pasti dapat melaksanakannya dengan baik bagi membolehkan atlit menunjukkan keupayaan sebenar mereka," katanya pada sidang akhbar selepas memberi amanat kepada kira-kira 5,000 Sukarelawan Nadi 98 yang akan bertugas ketika Sukom 98 di sini hari ini.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia akan memberi bantuan kepada Indonesia jika kebakaran hutan berlaku di republik itu ketika temasya sukan itu, dengan menghantar anggota bomba dan peralatan ke negara berkenaan.

"Kita juga akan membantu Indonesia menjalankan pembenihan awan di kawasan yang berlaku kebakaran. Ia bukan tugas mudah, tetapi kita yakin dapat kurangkan tahap jerebu," katanya.

Keadaan berjerebu di beberapa kawasan di rantau ini dikaitkan dengan kegiatan pembakaran terbuka dan kebakaran hutan terutama di kawasan tanah gambut di beberapa kawasan di negara ini dan Indonesia.

(END)